



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM ILMU DAN BAKTI PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 31 JULAI – YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusof, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Majlis Pelancaran Program Ilmu dan Bakti Perintah Khidmat Masyarakat bertempat di Masjid Al – Mukhlisin, Alam Damai. Program ini dilaksanakan secara kolaborasi antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Perintah Khidmat Masyarakat merupakan program yang dilaksanakan dengan matlamat untuk mencegah pesalah-pesalah daripada mengulangi kesalahan jenayah pada masa hadapan dengan mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat melalui arahan/perintah melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan tanpa bayaran. Manakala Program Ilmu dan Bakti merupakan nilai tambah yang diterapkan oleh KPWKM melalui penghayatan amalan nilai-nilai kerohanian dalam pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat. Kementerian berharap pendekatan ini dapat menyuntik kesedaran dan menimbulkan keinsafan buat mereka seterusnya membentuk keperibadian pelatih yang beristiqomah dan kental dalam menangkis sebarang pengaruh negatif yang boleh memudaratkan diri serta berupaya mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang masalah

dengan undang-undang. Ini merupakan salah satu usaha dalam mensejahterakan masyarakat melalui tarbiah dan pendekatan kolaboratif institusi masjid dengan komuniti setempat.

Sehingga Mei 2022, seramai **482 orang pelatih** sedang menjalani Perintah Khidmat Masyarakat terdiri daripada **336 orang Pesalah Muda** yang meliputi **19 orang Pesalah Dewasa** dan **127 orang Kanak-kanak**. Menurut statistik JKM dari tahun 2019 hingga 2021, **bilangan kes yang telah dijatuhkan Perintah Khidmat Masyarakat** adalah **sebanyak 2,267 kes** iaitu **780 kes pada tahun 2019, 827 kes pada tahun 2020 dan 660 kes pada tahun 2021**. Dari bilangan kes tersebut, **sebanyak 62% terdiri daripada Pesalah Muda, 35% terdiri dari Kanak-Kanak dan hanya 3% terdiri dari Pesalah Dewasa**.

“Saya yakin dan percaya bahawa Program Ilmu Dan Bakti ini dapat menggalakkan komuniti terutama institusi masjid dan ahli kariah masjid untuk sama-sama merasai kebertanggungjawaban bersama dalam mendokong aspirasi Kerajaan sebagai sebuah keluarga membawa anak-anak pelatih ini ke arah kehidupan yang lebih baik dalam biah solehah (persekitaran yang baik)”, ujar YB Dato’Siti Zailah.

Kementerian berharap program tarbiah diri dan keinsafan seperti ini akan dapat diperluaskan dan dilaksanakan ke seluruh negara bermula pada tahun ini, dengan mempertingkatkan pelbagai variasi aktiviti dan penglibatan institusi masjid yang lebih meluas dalam konteks penyampaian dakwah secara berhikmah dan penuh kasih sayang.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM), YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat
31 Julai 2022**